

# Dari Sebulan ke Sebulan

Encik Taib Sabri (PAS) Speaker Ahli

Majlis Mesyuarat Negeri Terengganu telah membidas rakan-rakannya pemimpin-pemimpin PAS di Terengganu. Ia tidak puas hati melihat langkah-langkah pemimpin itu berebut-rebut kekuasaan sedang maslahat rakyat terbiar – tidak diendahkan. Langkah Encik Taib Sabri ini patut dipuji. Ia harus sedar bahawa akibat daripada berebut-rebut kedudukan ini akan membawa keruntuhan PAS, sebab jika hal ehwal dan maslahat<sup>1</sup> rakyat tidak diambil endah maka tak dapat tiada akan membawa keruntuhan PAS dan rakyat akan tidak percaya kepadanya. Akibat daripada kejadian ini akan membawa pula kepada hilangnya kepercayaan orang kepada cita-cita Islam dan akan jadi senjata musuh Islam untuk mencabar Islam terutamanya kelak daripada orang-orang *socialist* yang sedang bergerak dengan pesatnya.

\* \* \*

Di dalam menghadapi suasana berebut kedudukan ini, sebagai pemimpin-pemimpin Islam, orang-orang PAS mesti menyedari kepada ajaran Islam. Islam mengingatkan bahawa **sesuatu pekerjaan yang dipegang oleh orang yang bukan ahlinya jagalah kebinasaanya.** Berdasarkan kepada ini maka orang-orang PAS mestilah insaf di dalam meletakkan seseorang di dalam sesuatu jawatan, maka pilihlah ahlinya di dalam bahagian-bahagian itu supaya segala gerak itu tidak akan binasa. Beramallah dengan ajaran junjungan kita itu, di dalam memilih seseorang memegang sesuatu pekerjaan itu nescaya kita akan selamat.

\* \* \*

Doktor Burhanuddin al-Helmi, Yang di-Pertua Agong PAS telah berlepas ke England kerana mempelajari hal-hal

*Parliament* di England. Beliau ialah orang parti pembangkang yang pertama pergi ke sana. Ada sebahagian orang tersenyum apabila mendengar Doktor Burhanuddin mau pergi ke England itu. Ia sebagai seorang yang diPertua PAS, pergi menerima jemputan sebagai mempelajari sesuatu dari lain-lain negara, dipandang mereka tidak molek dan tidak munasabah. Hal ini jika dikaitkan kepada masukan beliau jadi ahli *Parliament* (mencalonkan diri di dalam pilihanraya dahulu sebagai calon PAS) padahal beliau *president PAS*, maka orang-orang berasa syak terhadap kepada ketulusan beliau di dalam memperjuangkan cita-cita Islam. Apakah pandangan ini benar, adalah menjadi suatu fikiran yang wajib dikaji dan diselidiki kesan dan bencananya.

\* \* \*

Ismail Haji Ali, di dalam tulisannya mengenai kebudayaan telah membawa pandangan seolah-olah adat istiadat Melayu yang ada sekarang berasal daripada ajaran agama Islam. Daripada tulisannya itu nampaknya cenderungnya bahawa ia adalah seorang Islam tetapi tidak mengerti apa dia ajaran agama Islam itu. Kalau menulis hanya tahu mencabar dan mencela agama sahaja maka ertinya orang itu bencikan agama tetapi kalau sebenarnya hendak menulis perkara-perkara yang bersangkut paut dengan agama maka hendaklah pelajari supaya jangan menaikkan kemarahan orang bahkan jangan orang salah sangka memandangnya yang boleh jadi sebagai seorang anti Islam.

Apabila menyebut Islam dan kebudayaan maka salah benar pendapat orang yang mengatakan bahawa agama Islam itu adalah kebudayaan. Agama Islam itu adalah agama Tuhan yang

<sup>1</sup> kesilapan ejaan dalam teks asal, dalam teks asal ditulis ‘muslihat’

diturunkan semenjak daripada Ādam ‘alayhi al-salām sehingga kepada Nabī Muḥammad (SAW). Semenjak daripada Nabī Ādam itu adalah Tuhan menjadikan nabi-nabi dan rasul-rasulnya dengan mempunyai kelebihan-kelebihan yang setinggi-tingginya sama ada tentang kesabaran, kecerdikan, kebolehan, kerajaan, kebesaran, kecantikan dan seumpamanya. Di dalam kesempurnaan agama Islam yang disampaikan oleh Nabī Muḥammad, sebagai penyudah nabi-nabi itu, maka Islam hanya menentukan sempadan sesuatu. Umpamanya aurat lelaki adalah menutup pusat hingga di bawah lutut – bagaimana caranya menutup aurat itu, dengan kain, dengan seluar, atau lainnya, kecil besarnya, tidak ditentukan oleh Islam, asalkan<sup>2</sup> ia menutup sekurang-kurangnya di atas pusat dengan di bawah lutut itu. Begitu juga makan – Islam menentukan halal dan haramnya tetapi cara memakannya terpulang: Bersepit, bersenduk, bergarfu, bertangan dan harus berbagai-bagai lagi – terpulang kepada masing-masing asalkan<sup>3</sup> barang yang dimakan itu halal. Jadi perkara-perkara mengenai perbuatan terpulang kepada masing-masing – Islam hanya menentukannya sempadannya sahaja. Begitu juga segala perkataan – Islam menentukan jangan syirik – sama ada lafaznya, atau syairnya selagi tidak syirik maka Islam tidak menegahnya. Begitu juga berirama – selagi tidak iramanya syirik yang bersifat persembahan – Islam tidak menegahnya. Kerana itu terang bahawa Islam bukanlah kebudayaan yang tertentu seperti yang disangka oleh setengah-setengah orang. Mudah-mudahan ini menjadi pengertian kepada setengah-setengah orang.



*Ceramah kebudayaan di Singapura. Baharu-baharu ini wartawan Suwisto (Indonesia) telah memberikan ceramahnya mengenai perkembangan kebudayaan di Nusantara, yang telah diadakan dengan jayanya di rumah perhimpunan Indonesia di Bukit Timah. Gambar menunjukkan wartawan Suwisto sedang memberi ceramahnya di hadapan ahli-ahli dan peminat kebudayaan.*

<sup>2</sup> kesilapan ejaan dalam teks asal, dalam teks asal ditulis ‘asakan’

<sup>3</sup> seperti nota kaki di atas